

**Raja Permaisuri Agong Berangkat Ke Majlis IFF 2011**  
**Bernama**  
**15 November , 2011**

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah berkenan berangkat ke Majlis Festival Fesyen Islam Ke-19 (IFF) yang bertemakan 'Oriental Charm' memperlihatkan karya dan rekaan kreatif busana Muslim di sebuah hotel Isnin malam.

Festival yang bakal berlangsung lima hari bermula malam ini dan berakhir 18 Nov akan mempersembahkan 14 pertunjukan serta menampilkan 60 pereka fesyen tempatan dan luar negara.

Raja Permaisuri Agong turut berkenan menyampaikan anugerah penghargaan kepada tiga pereka fesyen iaitu Syeba Yip, Andy Ho dan Itang Yunasz.

Antara pereka tempatan yang mengambil bahagian ialah Datuk Tom Abang Saufi, Datuk Radzuan Radziwill, Datuk Farah Khan dan Albert King selain pereka luar Jenny Lim (Taipei), Kanchan Couture (Hong Kong) dan Amalina Aman (Sydney).

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=626869>